

Dari Meja

Julai

Hari ini bermulalah satu lagi satu episod baru dalam hidup kita. Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita masih dipanjangkan usia dan diberikan kudrat serta kesihatan yang baik untuk meneruskan perjuangan kita di tahun 2010 ini.

Apa yang ingin saya sampaikan pada kali ini adalah tiada lain bertujuan untuk menyuntik dan menyemarakkan iltizam seluruh warga UniMAP untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi dalam memenuhi tanggungjawab dan peranan sebagai salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang memberikan perkhidmatan pendidikan kepada anak bangsa negara kita Malaysia yang tercinta. Keazaman yang paling utama pada tahun ini ialah untuk memperkemaskan dan memperbaiki lagi kualiti sistem perkhidmatan dan pendidikan sedia ada yang diberikan kepada masyarakat khususnya mahasiswa.



Terlebih dahulu saya mengucapkan selamat datang kepada semua pelajar baru UniMAP bagi sidang akademik 2010/2011. Tahniah daripada saya, kerana para pelajar semua kini sudah melangkah ke satu alam baru, alam Menara Gading yang bakal menjanjikan pelbagai cabaran dan keseronokan dalam usaha mendaki puncak kejayaan. Saya percaya, adalah menjadi impian dah harapan semua orang untuk melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat tertinggi tetapi bukan semua orang mampu meraihnya.

Oleh yang demikian marilah sama-sama kita menggembungkan tenaga dengan penuh iltizam bagi mempertingkatkan usaha-usaha murni untuk mewarnai dunia pendidikan dengan warna-warna keindahan yang akhirnya mampu mewujudkan suasana yang ceria lagi kondusif dalam persekitaran pekerjaan kita. Marilah sama-sama kita mantapkan hubungan silaturahim sesama kita agar tidak wujud budaya hipokrit dalam hubungan interpersonal dan segala-segalanya bertolak daripada proses pembersihan hati dan jiwa serta perasaan.

Perkataan pilihan DMNC kali ini ialah „JITU“. Jitu membawa maksud tepat atau betul. Sikap ini perlulah sentiasa ada dalam pekerjaan dan kehidupan kita sehari-hari. Keputusan yang jitu, pelaksanaan kerja yang betul dan penuh integriti serta tatacara kerja yang tepat sudah pasti membawa hasil kerja yang cemerlang dan cukup memberangsangkan. Di dalam sesbuah organisasi, keputusan seorang ketua atau pemimpin itu haruslah sentiasa tepat supaya anak buah dapat melaksanakan sesuatu tugas dengan baik dan cemerlang. Tanpa arahan yang betul dan konsisten sudah pasti staf bawahan akan menjadi keliru dan sukar menjalankan tugasnya. Namun begitu staf juga perlulah melaksanakan tugasnya dengan sebaik mungkin dan komitmen yang jitu serta tidak tersasar daripada matlamat asal organisasi. Kajian pernah menyatakan bahawa seorang pemimpin dikatakan berhasil dan mempunyai daya kepimpinan yang efektif sekiranya mampu menghasilkan keputusan yang tepat dan jitu. Karakteristik seorang pemimpin yang efektif adalah memiliki kecerdasan dalam membuat keputusan yang tepat dengan mengambil kira keadaan, situasi dan persekitaran.

Jika kita tidak cekap dan tidak berkesan, maka adalah sukar bagi seorang pegawai atau kakitangan sektor kerajaan maupun sektor swasta, memandu negara ke tahap pembangunan yang lebih tinggi lagi mantap dan segala program pembangunan negara tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna serta imej kita sebagai penjawat awam sendiri akan terjejas. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab setiap warga Perkhidmatan Awam bekerjasama dan bersepakat meningkatkan kecemerlangan sebagai satu Perkhidmatan Awam yang unggul dan berkualiti.

Sebagai pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam, kita mestilah mempertingkatkan semangat sifat bersatu padu, tolong-menolong dan jalanan kerjasama demi mewujudkan satu Perkhidmatan Awam yang cemerlang. Sifat yang tidak mahu bekerjasama dan mementingkan diri sendiri dalam sesuatu pekerjaan apakah lagi dalam Perkhidmatan Awam ini, akan mendatangkan natijah yang tidak baik dan menjadikan prestasi dan produktiviti kerja. Semoga warga UniMAP terus menjadi seorang insan kamil yang unggul dalam memajukan organisasi yang kita cintai ini.

Ogos

Sabtu tahun kita disajikan dengan bulan Ogos yang penuh dengan sejarahnya, ceritanya, semangat keperwiraannya serta semangat perjuangannya. Malah bulan ini akan diadakan pelbagai peraduan, aktiviti, majlis, ceramah, nyanyian lagu dan sebagainya.

Pernahkah kita terfikir apa yang bermain di minda pemimpin dan di benak rakyat Melayu pada ketika itu mahupun apa yang difikirkan oleh penjawat yang akur dengan tuntutan jutaan rakyat ketika itu yang mahukan sebuah negara yang merdeka. Jawapan kepada persoalan ini adalah sukar untuk kita fikirkan jika kita tidak menghayati inti pati kemerdekaan negara kita. Tiada gunanya jika kita hanya melaung perkataan kemerdekaan pada detik 31 Ogos hanya untuk melengkapkan rutin tahunan.



Sebenarnya bukan itu yang menjadi harapan Almarhum Tunku Abdul Rahman ketika beliau mengangkat tangan melaung kemerdekaan. Apa yang menjadi harapannya ialah kemerdekaan ini dikekalkan dengan acuan tersendiri dengan penuh semangat yang jitu dan tulen iaitu dengan mengekalkan semangat bersatu padu tanpa mengira agama, bangsa maupun keturunan. Bulan Ogos begitu besar ertiinya bagi kita semua sebagai warga Malaysia iaitu sebagai bulan sambutan kemerdekaan. ‘Malaysia Menjana Transformasi’ adalah tema bersempena Sambutan Ke-53 Kemerdekaan pada tahun ini. Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Ke-53 kepada semua warga UniMAP dan bersama-sama kita untuk terus membangun dan mengekalkan kestabilan politik, sosial dan ekonomi negara demi masa depan anak-anak generasi muda kita semua. Hanya melalui perpaduan semua kaum bersatu padu tanpa mementingkan nilai etnik masing-masing sudah pasti negara kita akan terus maju ke hadapan menyiangi negara-negara membangun yang lain.

Naib Canselor

Kita sebagai warga UniMAP juga memainkan peranan yang begitu besar ertiinya kepada negara terutama dalam melahirkan graduan yang berkualiti dan berketrampilan tinggi. Istiadat Konvokesyen Ke-5 UniMAP juga akan berlangsung pada 7 Ogos akan datang. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua graduan kerana berjaya menyempurnakan perjalanan panjang yang penuh liku dan cabaran selama menuntut di Universiti ini. Saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dijangka seramai 1176 graduan akan menerima ijazah masing-masing iaitu 7 orang menerima Ijazah Doktor Falsafah, 30 orang menerima Ijazah Sarjana, 910 orang menerima Ijazah Sarjana Muda dan 229 orang menerima Diploma. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terlebih dahulu jutaan ucapan terima kasih kepada semua staf dan juga pelajar-pelajar UniMAP yang melalui penat jerih, siang dan malam bagi menjayakan Istiadat Konvokesyen dan Pesta Konvokesyen kali yang kelima pada tahun ini. Tanpa perancangan yang pintar dan komitmen yang tinggi, sudah pasti majlis ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

Perkataan pilihan yang bersesuaian dengan bulan Ogos ialah ‘OPTIMISME’. Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka optimisme membawa maksud sikap (pandangan hidup atau pendirian) yang melihat segala hal daripada sudut kebaikannya sahaja atau menjangkakan perkembangan yang baik-baik sahaja. Dengan kata lain optimisme adalah boleh diertikan sebagai berfikiran positif. Sikap positif merupakan titik awal sekaligus faktor utama dan terpenting dalam perjalanan mencapai kesuksesan dan kebahagiaan sejati.

Fikiran positif dan perasaan positif itu biasanya bermanifestasi dalam bentuk optimisme yang tinggi, pantang menyerah, percaya diri, mudah bersyukur, sabar, menghargai orang lain, menghargai perbezaan, mudah berteman, mengambil tanggungjawab atas dirinya sendiri atau tidak menyalahkan orang lain dalam apa jua keadaan. Saya sentiasa bersikap optimisme bahawa segala keringat dan titik peluh yang kita sumbangkan, ia adalah satu pelaburan yang tiada tandingannya. Titik tolaknya adalah keyakinan dan kecemerlangan yang merupakan salah satu dari misi UniMAP. Saya amat optimis akan kekuatan yang kita bina bersama keutuhan yang kita anyam, semangat yang kita barakan, hasil perpaduan ini akan terus menyalah demei UniMAP yang kita cintai.

InsyAllah!

September

Dalam tidak sedar hari ini sudah masuk hari yang ke-22 semua umat Islam menjalani ibadah puasa. Marilah kita bersama-sama bermuhasabah diri dan mengucap setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT. Sesungguhnya dengan limpah kurnianya kita mampu menyempurnakan ibadah puasa kita di bulan Ramadhan yang penuh keberkatan ini. Semoga ibadah puasa kita kali ini diterima oleh Allah SWT dan diberkatiNya. Dalam menjalani ibadah puasa dan amalan harian kita seharian dengan khusuk dan tawaduk, sudah pasti kita sentiasa diuji.

Perkataan pilihan pada kali ialah ‘STIMULATOR’. Stimulator menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka adalah perangsang atau pendorong. Antara cabaran yang perlu kita tangani dalam era globalisasi ini ialah dunia kini sedang mengharungi proses perubahan yang dinamik yang berlaku dengan begitu cepat dan pantas. Sebagai penjawat awam, kita perlu sentiasa sensitif terhadap perubahan-perubahan tersebut dan berani membuat penyesuaian dan perubahan. Ini bagi memastikan peranan kita dalam arus pembangunan negara tetap relevan dan dapat dipertingkatkan. Dalam hubungan ini, kita perlu melakukan

anjakan paradigm dalam memainkan peranan kita supaya seiring dan selari dengan arus perubahan yang berlaku bagi menjamin kewujudan perkhidmatan awam dapat memberi sumbangan berkesan kepada pembangunan negara dan di peringkat antarabangsa. Matlamat ini bukanlah sesuatu yang di luar kemampuan kita untuk mencapainya. Sehubungan dengan itulah kita sebagai penjawat awam harus sentiasa memotivasikan diri untuk sentiasa mempertingkatkan prestasi kerja daripada semasa ke semasa untuk terus berdaya saing di era globalisasi masakini.



Pepatah Melayu pernah menyebut bahawa ‘nak, seribu daya. tak nak, seribu dalih.’ Motivasi kerja sentiasa boleh dicapai dengan adanya stimulasi atau semangat akibat stimulator iaitu rangsangan atau keghairahan terhadap sesuatu yang benar-benar kita inginkan. Stimulator merupakan penggerak atau pendorong kepada motivasi kerja sehingga mempengaruhi perilaku individu terhadap kerja atau tugas yang dilakukannya. Beberapa unsur penggerak motivasi kerja antaranya ialah kejayaan (achievement), penghargaan (recognition), daya saing (challenge), tanggungjawab (responsibility), pembangunan (development), penglibatan (involvement) dan peluang (opportunity). Sehubungan dengan itulah, secara umumnya bentuk motivasi yang sering berkait rapat dalam pekerjaan meliputi empat unsur utama iaitu ganjaran dalam bentuk wang atau penganugerahan, cara pengarahan dan pelaksanaan tugas iaitu daya kepimpinan, penerapan tatacara kerja yang efektif atau organisasi yang mantap, serta kebijaksanaan, kecekapan dan kepakaran seseorang individu dalam sesuatu pekerjaan.

Setiap hari kita diuji dengan pelbagai macam ujian yang menguji kesabaran kita sebagai seorang pekerja. Sebagai contoh, kesabaran dalam mengerjakan suruhan Allah seperti menunaikan solat, kesabaran meninggalkan perbuatan yang dilarang oleh Allah seperti menerima rasuah dan komisyen yang tidak sepatutnya diterima yang bersifat tidak amanah, malah gagal untuk menjalankan setiap tanggungjawab dan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita. Ini bukanlah satu stimulator yang baik. Kehidupan harian kita penuh dengan pelbagai kesusaahan, kesakitan serta tekanan emosi dan mental. Baik dalam kehidupan rumah tangga, masyarakat, pejabat malah dalam negara kita sendiri. Ada yang bukan sahaja bengis di rumah, lebih bengis di jalanraya dan seterusnya ke tempat kerja.

Maka apabila sikap ini diteruskan, timbulah pertelingkahan di antara sesama rakan sekerja, bermasam muka dan tidak boleh bekerjasama dalam menyelesaikan satu-satu tanggungjawab yang diamanahkan. Akhirnya sudah tentulah produktiviti kita terbantut dan semua menanggung akibatnya. Orang yang sabar sentiasa kuat semangat dan azam serta berusaha dan lawakal. Kita juga tidak boleh merungut, kerana sikap suka merungut itu adalah satu penafian kepada suatu kesabaran. Hadapilah dengan tabah serta mengharapkan penyelesaiannya daripada Allah serta sabar. Anggaplah ujian itu ringan dan cara mengingatkan kita segala nikmat yang dikurniakan Allah selama ini. Di mana sahaja kita berada, apa sahaja jawatan yang kita sandang, jenis apa kerja yang kita lakukan, semuanya memerlukan kesabaran di dalam erti kata yang sebenar. Tanpa senjata sabar dalam perjalanan hidup ini, kehidupan seseorang tidak akan tenang dan damai kerana jalan hidup tidak selalu mendatar, adakalanya mendaki dan kadang-kadang kita terjatuh. Bersabarlah ... Tiada kejayaan yang dicapai tanpa kesabaran ...